

Imbuhan Awalan dan Akhiran

Nama :

Baca petikan di bawah. Kemudian, senaraikan kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran yang terdapat dalam petikan tersebut.

Produk daging burger jenama Sari Alam merupakan satu lagi produk makanan halal yang dapat diperoleh di pasaran kini. Produk ini dihasilkan oleh usahawan wanita yang bersemangat waja, iaitu Sariyanti Nur Alam. Beliau mengeluarkan produk tersebut menerusi syarikatnya, iaitu Cita Rasa Maju Sdn. Bhd.

Pelbagai golongan masyarakat tertarik dengan produk keluaran syarikat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana harganya amat berpatutan. Pegawai Teknologi Pemakanannya pula akan memastikan kualiti produk sentiasa terjamin.

Secara dasarnya, Cita Rasa Maju Sdn. Bhd. yang mempunyai 30 orang kakitangan daripada pelbagai peringkat ialah syarikat milik seratus peratus bumiputera. Syarikat ini diperbadankan pada 21 Julai 2000. Pada masa itu, syarikat ini bertindak sebagai pembekal utama daging burger melalui pengilangan berkontrak bersama-sama Agro Emas Sdn. Bhd. mulai tahun 2004 hingga 2007.

Walau bagaimanapun, bermula enam tahun yang lalu, Cita Rasa Maju Sdn. Bhd. mengeluarkan produk sendiri, iaitu daging burger, nugget, daging kisar dan bebola berasaskan daging dan ayam. Pusat pengeluaran produk ini beroperasi di Pusat Perindustrian Shah Alam, Selangor.

Kata Berimbuhan Awalan

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____
- 4 _____
- 5 _____
- 6 _____
- 7 _____
- 8 _____
- 9 _____
- 10 _____
- 11 _____
- 12 _____
- 13 _____

Kata Berimbuhan Akhiran

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____
- 4 _____
- 5 _____
- 6 _____